

Canselor baru UMP

# Tengku Abdullah dilantik

>>Oleh Asrol Awang  
am@metro.com.my

**P**EKAN: Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah semalam, berkenan menerima wakilah lantikan sebagai Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi tempoh lima tahun berkuat kuasa 1 April lalu.

Sebagai simbolik sempena lawatan ke kampus UMP Pekan, Kuala Pahang, di sini, baginda berkenan menanam pokok Rantai Emas sebagai menyokong kempen 'Hijaukan Bumi' di kampus berkenaan.



Metro (Setengah) Jumat 29/4/11, m144

LAWAT...  
Tengku  
Abdullah  
melawat  
pameran yang  
diadakan  
di UMP,  
semalam.

Sebelum itu, Tengku Abdullah berkenan melawat pembangunan Fasa 1A yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Elektrik dan Elektronik (FKEE) yang dilengkapi pejabat pentadbiran, makmal serta pusat pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, baginda turut diberi taklimat oleh Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, mengenai perancangan dan pembangunan kampus di Kuala Pahang, di sini, yang berkeluasan 256.8 hektar.

Dr Daing Nasir berkata, bangunan FKEE mempunyai sebuah blok pentadbiran de-

ngan tiga dewan kuliah berkapasiti 100 pelajar dan enam bilik kuliah yang boleh menempatkan 40 penuntut dengan tiga blok makmal yang menempatkan 25 makmal pelbagai guna.

Bagi bangunan FKM pula, katanya, ia menempatkan satu blok pentadbiran dengan sebuah dewan kuliah yang boleh menampung kapasiti seramai 300 pelajar.

"Bangunan ini mempunyai enam bilik kuliah berkapasiti 40 orang dan empat blok makmal yang mempunyai 25 makmal pelbagai jenis yang turut menawarkan perkhidmatan pengujian daripada pihak industri," katanya.